



**ISTANA NEGARA**  
JALAN TUANKU ABDUL HALIM  
50480 KUALA LUMPUR  
Web: [www.istananegara.gov.my](http://www.istananegara.gov.my)

Telefon : 03-6200 1000/  
: 03-6200 1200  
Faks : 03-6205 2121

## **SIARAN MEDIA**

Kuala Lumpur, 31 Januari, 2021 – Adalah dimaklumkan bahawa KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah menzahirkan ucapan selamat menyambut Hari Wilayah Persekutuan 2021 kepada seluruh warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Seri Paduka Baginda mengambil kesempatan ini menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita semua untuk meraikan sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini meskipun dalam suasana norma baharu dan kita masih berada dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), khususnya di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya.

Seri Paduka Baginda menzahirkan penghargaan kepada seluruh rakyat, khususnya para petugas barisan hadapan, yang telah menunjukkan semangat solidariti, kesepaduan dan daya ketahanan yang tinggi dalam menghadapi serta memerangi penularan wabak COVID-19.

Memandangkan situasi wabak di negara ini berada di tahap kritikal, Seri Paduka Baginda menzahirkan harapan agar rakyat terus beristiqamah dalam kawalan sendiri dan berdisiplin mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan.

Seri Paduka Baginda menasihati rakyat supaya terus bertenang, tabah dan cekat menghadapi PKP serta pelaksanaan Proklamasi Darurat demi kepentingan dan keselamatan diri bersama serta negara. Sememangnya, dengan pelaksanaan PKP, Seri Paduka Baginda amat memahami cabaran yang dihadapi, khususnya aktiviti ekonomi harian rakyat yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.

Dengan sambutan tahun ini yang bertemakan "Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin", Ianya amat selari dengan aspirasi Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi berkait dalam mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat melalui inisiatif-inisiatif yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup warga Wilayah Persekutuan.

Seri Paduka Baginda dimaklumkan bahawa Kementerian Wilayah Persekutuan menerusi program Wilayah Prihatin telah menyediakan pelbagai inisiatif kepada warga Wilayah Persekutuan yang terkesan akibat ancaman COVID-19. Selaras dengan semangat "Wilayah Persekutuan Wilayah Prihatin", inisiatif-inisiatif tersebut membantu golongan terbabit, tanpa mengira kaum, agama dan fahaman politik, bagi meneruskan kelangsungan hidup mereka.

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya merupakan nadi yang menjana pertumbuhan negara ini. Ini dapat dilihat menerusi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada 2020 yang menunjukkan sumbangan Wilayah Persekutuan kepada ekonomi negara adalah sebanyak 13.5 peratus.

Angka pertumbuhan ekonomi hanya akan bermakna apabila rakyat mempunyai sumber pendapatan yang mencukupi, kediaman yang selesa, pendidikan yang sempurna, kesihatan yang baik, alam sekitar yang lestari dan keselamatan yang sentiasa terpelihara untuk menjalani kehidupan yang bahagia dan sejahtera.

Sehubungan dengan itu, Seri Paduka Baginda menasihati rakyat menunaikan tanggungjawab sosial dan nilai-nilai murni terhadap komuniti setempat bagi memastikan keharmonian terpelihara dan kekal berpanjangan.

Sesungguhnya wabak COVID-19 ini telah memberikan satu pengajaran yang amat bermakna kepada kita semua dan Seri Paduka Baginda menzahirkan kesyukuran kerana kita mampu menangani dan memerangi krisis ini kerana kita prihatin.

Semangat keprihatinan ini amat terserlah melalui usaha-usaha para petugas barisan hadapan yang bertungkus lumus siang dan malam membendung wabak COVID-19. Ianya juga terserlah melalui usaha-usaha murni Kerajaan dan para sukarelawan membantu golongan yang memerlukan serta juga melalui pematuhan SOP oleh rakyat jelata.

Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa PRIHATIN ini bukan sekadar slogan sahaja, tetapi merangkumi keseluruhan pembentukan dan pemikiran dasar Kerajaan sehingga ke peringkat pelaksanaan dan penyampaianya. Walaupun Kerajaan berada dalam situasi yang sukar, kebajikan rakyat tidak akan diabaikan.

Sesuai dengan tema Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini, Seri Paduka Baginda menyeru rakyat untuk menghayati semangat patriotisme dan cintakan Wilayah Persekutuan dengan sentiasa menanam sikap prihatin yang mendalam terhadap satu sama lain. Prihatinlah terhadap keluarga kita, sahabat kita, jiran kita, pekerja kita dan semua insan yang berada di sekeliling kita.

Prihatin jugalah kepada tanah air kita. Jagalah keharmonian, pertahankanlah keamanan, peliharalah kesejahteraan. InsyaAllah, Wilayah Persekutuan dan negara yang tercinta ini akan kekal merdeka, bebas dan berdaulat selama-lamanya.

Seri Paduka Baginda turut mengambil kesempatan ini mengajak rakyat bersama Baginda mendoakan semoga negara khususnya Wilayah Persekutuan yang kita cintai akan bertambah makmur dan terus meningkat maju serta sentiasa dalam perlindungan dari sebarang musibah dan malapetaka.

Dato' Indera Ahmad Fadil Shamsuddin  
**Datuk Pengelola Bijaya Diraja**  
**Istana Negara**